

Cuma pihak mampu diberikan projek

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri menegaskan bahawa kerajaan tidak boleh terkongkong dengan tuduhan kononnya penswastaan hanya memberi keuntungan kepada orang tertentu kerana ia akan menyekat pembangunan negara.

Menjelaskan perkara itu, ~~Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad~~ berkata, definisi 'orang tertentu' adalah sesiapa juga yang dapat mengambil alih sebarang projek kerajaan yang diswastakan.

Sehubungan itu, katanya, pasti 'ada orang' di pihak swasta yang mengambil alih projek penswastaan tanpa mengira siapa yang dimaksudkan sebagai 'orang tertentu'.

"Tetapi anggapannya ialah walau siapa juga mendapat manfaat, itu adalah orang tertentu. Dapatkah kita memberi peluang itu atau mengambil alih sesuatu perkhidmatan kerajaan kepada orang yang tidak berkemampuan?" katanya.

Perdana Menteri menjelaskan perkara itu dalam rancangan Wawancara 'Bersama Perdana Menteri' terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang disiarkan malam ini.

"Jadi, sekarang kita selalu mempunyai perasaan syak. Tentu ada sesuatu yang buruk kerana mungkin mereka yang berfikir seperti ini kalau dia berada di tempat itu, dia akan melakukan perkara (yang syak).

"Dia tidak boleh percaya bahawa ada orang yang mempunyai pelu-

ang ini tetapi tidak mengambil peluang itu," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa memilih orang yang berkemampuan untuk diserahkan projek yang diswastakan.

"Kita tidak boleh memilih orang yang tidak mampu. Umpamanya kalau ada peruntukan yang banyak untuk diberikan kepada orang yang hendak berniaga dan kalau orang yang tidak tahu langsung berniaga dipilih, dia tidak akan dapat menggunakan duit yang diberikan dengan cara yang bijak yang boleh membawa keuntungan," katanya.

Ditanya mengenai kemungkinan kesetiaan terhadap kerajaan akan berkurangan selepas kewujudan masyarakat swasta, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, beliau yang menyedari risiko itu berpendapat kesetiaan mesti ditumpukan kepada negara, dan bukannya kerajaan.

Katanya, rakyat yang setia kepada negara akan menyokong sesiapa saja yang menjaga negara dengan baik manakala kerajaan pula adalah institusi yang tidak kekal.

"Kita ada perkhidmatan yang begitu merugikan kerajaan dan orang ramai kerana tidak cekap, tidak dapat memberi perkhidmatan baik dan kos tinggi. Sebaliknya, apabila diswastakan, perkhidmatan itu menjadi lebih baik dan lebih cepat bertindak balas terhadap sesuatu keadaan," katanya.